
Title	Ucapan kepada Kursus Perakaunan Masjid (MUIS)
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1981 Muhammad Ariff bin Ahmad

ucapan kepada

KURSUS PERAKAUNAN MASJID (MUIS)
DI DEWAN MUKTAMAR MASJID AL-MUTTAQIN
PADA HARI SABTU 3 JANUARI 1981
JAM 1430

oleh: *Haji Muhammad Ariff b Ahmad*

Bismillahirrahmanirrahim...

Assalamu alaikum WR WB.,

Saya difahamkan bahawa feedback (laporbalik) yang diperolehi dari peserta-peserta MINI SEMINAR anjuran Majlis Ugama Islam Singapura yang telah diadakan di Dewan Serbaguna Masjid Mujahidin pada hari-hari Sabtu 21 Jun 1980 dan Ahad 22 Jun 1980 itu menunjukkan bahawa peserta-peserta seminar itu (iaitu para pentadbir 6 buah Masjid terbaru di Singapura ini) memerlukan semacam kursus (terutama mengenai Pengurusan Kewangan Masjid) yang boleh menolong mereka menatarkan mutu pertadbiran masjid-masjid mereka.

Dan, KURSUS PERAKAUNAN MASJID yang dianjurkan oleh Majlis Ugama Islam Singapura di sini, mulai hari ini terus-menerus hingga hari Sabtu 21 Februari 1981 yang akandatang, adalah merupakan sambutan MUIS terhadap laporbalik itu untuk memenuhi hasrat atau mencapai kehendak para pentadbir masjid itu.

Tiga buah kertaskerja berkenaan dengan perakaunan masjid, iaitu:

- (a) Ke arah merangka satu sistem perakaunan masjid yang baik dan bagaimana perbendaharaan masjid dapat dipertanggungkan - oleh Haji Suhaimi bin Haji Salleh, seorang jurukira bertauliah;
- (b) Tanggungjawab Bendahari Kehormat masjid dalam menyimpan kira-kira yang betul - oleh Encik Ahmad Naron, ketua jabatan kewangan MUIS; dan
- (c) Peranan Pemeriksa Kiri-kira Dalam; Prinsip umum mengenai pemeriksaan kira-kira masjid dan Cara-cara mengesan amalan pecah amanah oleh Encik Shahlan Ahmad, seorang juruodit pemerintah,

ke mukasurat 2 (telah.....

telah dibincangkan dalam MINI SEMINAR MUIS dalam tahun 1980 itu. Dari saranan dan rangsangan kertaskerja itulah para peserta seminar tadi, menerusi laporbaliknya, telah mencadangkan supaya Majlis Ugama Islam Singapura mengadakan semacam kursus terperinci yang khas mengenai Perakaunan Masjid yang boleh membimbing para pegawai kewangan masjid menguruskan kewangan masjidnya dengan baik dan bersistem.

Dengan menyertai suatu kursus yang sama, adalah diharapkan sekalian pegawai kewangan masjid akan dapat menguruskan kewangan masjidnya dengan sistem yang sekata (standard), dan yang demikian itu dapat memudah dan melancarkan penyemakan; pengesanan dan pengawalan MUIS terhadap kira-kira masjid yang memang terletak di bawah penyeliaannya.

Saranan para peserta MINI SEMINAR 1980 itu telah pun disambut baik oleh MUIS dengan mengadakan KURSUS PERAKAUNAN DELAPAN MINGGU ini; malah peserta-pesertanya telah diperluas (bukan lagi hanya pentadbir-pentadbir 6 buah masjid terbaru kita; tetapi telah diundang juga pentadbir-pentadbir 56 buah masjid lain yang juga di bawah penyeliaan Majlis Ugama Islam Singapura); menjadikan jumlah peserta Kursus ini kira-kira 200 orang berbanding dengan peserta MINI SEMINAR 1980 yang seramai 48 orang sahaja.

Hakikatnya sekarang, gayung sudah bersambut; kata sudah berjawab, perahu sudah sama di air; dayung sudah sama di tangan. Terpulanglah kepada sekalian para peserta KURSUS PERAKAUNAN yang hadir pada hari ini untuk menjayakan kursusnya dengan terus-menerus menghadiri KURSUS dengan gigih, tekun dan teliti hingga kursus ini berakhir pada hari Sabtu 21 Februari kelak, jika kita mahu nikmat kejayaan kursus ini dapat dimanfaatkan.

Selain daripada menghadirkan diri terus menerus, sumbangan positif yang boleh diberikan oleh peserta kursus ialah dengan mengambil bahagian yang penuh dalam semua perbincangan yang dilakukan dalam kuliah-kuliah itu. Hendaknya jangan sampai ada peserta-peserta yang sengaja mengelat-elatkan kedatangannya atau tidak memberikan perhatian sewajarnya terhadap kuliah-kuliah yang bakal disampaikan oleh pembimbing-pembimbing kursus itu nanti.

Saya penuh yakin bahawa hanya dengan mengekalkan sifat dan sikap yang positif sambil mengelak dan meninggalkan sifat dan sikap yang negatif itu sahaja sekalian peserta akan dapat melihat kejayaan kursus ini serta akan dapat menikmati kemenfaatannya. Jika para peserta gagal mengekalkan sikap yang positif itu maka amatlah sukar bagi kita menafikan kebenaran perkataan sebuah pantun Melayu, yang katanya:

*Berburu ke padang datar,
Dapat rusa belang kaki;
Berguru kepalang ajar,
Bagai bunga kembang tak jadi.*

Sesuai dengan pendapat Menteri Wakaf dan Halahwal Agama Kwait, Sheikh Yusiff Al-Hajjy dalam lawatannya ke masjid ini pada 19 September 1980 dahulu, bahawa masjid-masjid baru yang seperti Masjid Al-Muttaqin ini bukanlah semata-mata merupakan masjid tempat sembahyang sahaja, tetapi ia adalah sebuah "ISLAMIC CENTRE" - sebuah pusat pengembangan keislaman - maka mudah-mudahan selepas mencapai kejayaan membimbing para pegawai kewangan masjid-masjid itu menguruskan kewangan masjidnya, MUIS akan pula mengambil perhatian yang sama berat terhadap lain-lain aspek pencapaian matalamat masjid sebagai "Islamic Centre" itu.

Menatarkan mutu kecekapan pengurusan kewangan masjid memanglah perlu, tetapi menatarkan mutu imam, bilal, guru-guru (termasuk ustaz-ustazah; guru-guru tadika; pembimbing-pembimbing kelas-kelas agama), kepemimpinan pertadbiran masjid dan sebagainya perlu juga mendapat perhatian.

Guru-guru kelas bimbingan agama dan lain-lain anggota ilmiyawan masjid seperti imam dan bilal adalah juga anggota-anggota masjid yang penting; tidak kurang pentingnya dari pegawai kewangan masjid. Bagi mereka, ilmu yang tepat lagi benar adalah inti dari segala khidmatnya; tetapi teknik menyampaikan ilmunya itu kepada pelajar-pelajar atau anak didiknya haruslah dilengkapkan supaya pengajaran yang disampaikan itu tidak menyeleweng; supaya segala tunjuk ajar dan bimbingan yang

itu tidak berubah menjadi suatu hasutan yang boleh mendorong perselisihan faham lalu menimbulkan permusuhan; supaya kesucian dan kemurnian ILMU itu tidak tercemar menjadi satu platform politik yang berbahaya yang boleh meracuni pemikiran pelajar-pelajarnya.

Semacam kursus latihan bagi pembimbing-pembimbing kelas agama patut diadakan oleh MUIS; semacam "code of conduct" harus diatitkan buat kursus latihan itu, para lulusan kursus itu harus diberi tauliah yang membenarkan mereka diperkhidmatkan di masjid-masjid sebagai pembimbing-pembimbing kelas-kelas agama yang dikelolakan oleh masjid-masjid itu.

Demikianlah pula dengan lain-lain kategori pengkhidmat-pengkhidmat masjid perlu juga dinatarkan mutu perkhidmatannya kalau kita mahu masjid-masjid kita benar-benar menjadi "Islamic Centre" yang bermanfaat. Mudah-mudahan harapan saya ini akan mendapat perhatian, sekurang-kurangnya akan menjadi tajuk perbincangan sesiapa yang ingin melihat kejayaan masjid-masjid kita menjadi institusi penggerak kemajuan keislaman sebagai sebuah "Islamic Centre" itu.

Sekian.

Wa billahit Taufik wal Hidayah...

Wassalamu alaikum WR WB.